



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

**INDEKS PENGELUARAN PERINDUSTRIAN MALAYSIA
MAC 2026**

**Indeks Pengeluaran Perindustrian meningkat 3.1 peratus pada
Mac 2026, dipacu oleh pertumbuhan 5.5 peratus dalam output
sektor Pembuatan**

PUTRAJAYA, 8 MEI 2026 – Indeks Pengeluaran Perindustrian meningkat 3.1 peratus tahun ke tahun pada Mac 2026, dipacu oleh pertumbuhan 5.5 peratus dalam output sektor Pembuatan. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan dalam keluaran **Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP), Malaysia Mac 2026** pada hari ini. Penerbitan ini memaparkan statistik IPP yang terdiri daripada tiga sektor iaitu Perlombongan, Pembuatan dan Elektrik.

Mengulas laporan tersebut, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, "Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) mengekalkan pertumbuhannya dengan mencatatkan peningkatan sebanyak 3.1 peratus pada Mac 2026 (Februari 2026: 3.1%). Prestasi ini didorong oleh peningkatan sektor Pembuatan sebanyak 5.5 peratus (Februari 2026: 4.2%) serta pertumbuhan 4.9 peratus dalam output Elektrik (Februari 2026: 4.6%). Sementara itu, sektor Perlombongan terus merekodkan penurunan dengan pertumbuhan negatif 6.5 peratus berbanding penguncupan 2.0 peratus pada Februari 2026. Dari segi bulan ke bulan, IPP kembali meningkat 9.3 peratus selepas merekodkan pertumbuhan negatif 9.2 peratus pada bulan sebelumnya."

Ketua Perangkawan mengulas lanjut, "Output berorientasikan eksport yang menyumbang dua pertiga daripada sektor Pembuatan berkembang sebanyak 6.7 peratus pada Mac 2026 berbanding 5.0 peratus yang dicatatkan pada bulan sebelumnya. Pengembangan ini disokong terutamanya oleh Pembuatan komputer, produk elektronik & optikal yang melonjak 14.8 peratus; dan diikuti oleh Pembuatan minyak & lemak daripada sayuran & haiwan pada 13.5 peratus. Pengembangan tahun ke tahun ini dicerminkan oleh prestasi eksport negara yang meningkat 8.3 peratus pada Mac 2026. Perbandingan dengan Februari 2026, industri berorientasikan

eksport mencatatkan peningkatan iaitu 11.9 peratus selepas merekodkan negatif 8.1 peratus pada bulan sebelumnya.

Pada masa sama, pertumbuhan pengeluaran industri berorientasikan domestik meningkat 2.8 peratus pada Mac 2026 berbanding 2.7 peratus pada bulan sebelumnya. Pertumbuhan positif ini dipacu oleh Pembuatan produk prosesan makanan (7.2%); dan Pembuatan produk logam yang direka, kecuali mesin dan kelengkapan (4.0%). Berbanding dengan bulan sebelumnya, industri berorientasikan domestik kembali meningkat 1.4 peratus.”

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menambah, “Kemerosotan sebanyak 6.5 peratus dalam sektor Perlombongan pada Mac 2026 disebabkan oleh penurunan dalam kedua-dua komponen, iaitu pengeluaran Minyak Mentah & Kondensat sebanyak 11.3 peratus (Februari 2026: -4.3%) dan output Gas Asli merekodkan penurunan yang berterusan iaitu 3.4 peratus (Februari 2026: -0.4%). Berbanding bulan sebelumnya, indeks Perlombongan meningkat sebanyak 12.3 peratus selepas merekodkan penyusutan 14.3 peratus pada bulan terdahulu. Sementara itu, penjanaan Elektrik meningkat 4.9 peratus tahun ke tahun pada Mac 2026 (Februari 2026: 4.6%). Dari segi bulan ke bulan, indeks Elektrik melonjak 12.1 peratus (Februari 2026: -8.0%).”

Di peringkat global, IPP bagi beberapa negara meningkat termasuk Singapura (10.1%), Vietnam (7.2%), Korea Selatan (3.6%) Jepun (2.3%), Thailand (0.8%) dan Taiwan (28.7%) pada Mac 2026. Sebaliknya, China (5.7%) dan Amerika Syarikat (0.7%) terus meningkat pada kadar yang lebih sederhana pada bulan ini.


Merumuskan kenyataannya mengenai prestasi IPP bagi tiga bulan pertama pada tahun ini (Januari – Mac 2026), Ketua Perangkawan berkata, “IPP meningkat 4.0 peratus berbanding tempoh yang sama pada tahun 2025 dengan menunjukkan pengembangan dalam indeks sektor Pembuatan pada 5.7 peratus dan indeks Elektrik iaitu 5.2 peratus, sementara indeks Perlombongan mencatatkan penurunan 2.9 peratus.”

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan **Banci Ekonomi 2026 (BE2026)** dengan tema “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung dari **5 Januari hingga 31 Oktober 2026**. BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.


Malaysia buat julung kalinya telah menduduki **tangga pertama (1)** di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


**Carta 1: Indeks Pengeluaran Perindustrian, Malaysia,
Mac 2025 - Mac 2026**




**Carta 2: Indeks Pengeluaran Perindustrian dan Komponennya, Malaysia
Mac 2025 - Mac 2026**




**Carta 3: Pertumbuhan Indeks Pembuatan Mengikut Subsektor, Malaysia
Februari 2026 dan Mac 2026**




Carta 4: Indeks Pembuatan Mengikut Industri Berorientasikan Eksport dan Domestik, Malaysia, Mac 2025 - Mac 2026



Carta 5: Pembuatan Berorientasikan Eksport Mengikut Kumpulan, Malaysia, Februari 2026 dan Mac 2026



Carta 6: Pembuatan Berorientasikan Domestik Mengikut Kumpulan, Malaysia, Februari 2026 dan Mac 2026



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAWAN MALAYSIA
8 MEI 2026



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

**INDEX OF INDUSTRIAL PRODUCTION MALAYSIA
MARCH 2026**

The Industrial Production Index rose by 3.1 per cent in March 2026, led by 5.5 per cent growth in the Manufacturing output

PUTRAJAYA, MAY 8, 2026 – The Industrial Production Index rose by 3.1 per cent year-on-year in March 2026, led by 5.5 per cent growth in the Manufacturing output. The Department of Statistics, Malaysia (DOSM) reported today in the release of the **Industrial Production Index (IPI), Malaysia, March 2026**. This publication presents IPI statistics, consisting of three sectors namely Mining, Manufacturing and Electricity.

Commenting on the report, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, the Chief Statistician said, "The Industrial Production Index (IPI) maintained its growth by registering 3.1 per cent in March 2026 (February 2026: 3.1%). This performance was driven by a 5.5 per cent increase in the Manufacturing sector (February 2026: 4.2%) and a 4.9 per cent growth in Electricity output (February 2026: 4.6%). Meanwhile, the Mining sector continued to decline, recording a negative growth of 6.5 per cent compared to a contraction of 2.0 per cent in February 2026. On a month-on-month basis, the IPI rebounded by 9.3 per cent after registering a negative 9.2 per cent growth in the previous month."

The Chief Statistician further commented, "The output for the export-oriented industries which accounted for two-thirds of Manufacturing sector, expanded by 6.7 per cent in March 2026 as compared to 5.0 per cent registered in the previous month. The expansion was supported mainly by the Manufacture of computer, electronics & optical products which augmented by 14.8 per cent; and followed by the Manufacture of vegetable & animal oils & fats at 13.5 per cent. This year-on-year growth is reflected in the country's export performance, which increased by 8.3 percent in March 2026. Compared to February 2026, the export-oriented industries ascended by 11.9 per cent after recording a negative 8.1 per cent growth in the previous month.

In the meantime, the domestic oriented industries tick up by 2.8 per cent in March 2026, compared to 2.7 per cent in the previous month. This positive growth was driven

by Manufacture of food processing products (7.2%); and the Manufacturing of fabricated metal products, except machinery and equipment (4.0%). Compared to the previous month, domestic oriented industries turnaround by 1.4 per cent.”

Elaborating further, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, “The deterioration of 6.5 per cent in the Mining sector in March 2026 was due to a decline in both components where Crude Oil & Condensate production by 11.3 per cent (February 2026: -4.3%) and Natural Gas output recorded a further decrease of 3.4 per cent (February 2026: -0.4%). As compared to the previous month, the Mining index accelerated by 12.3 per cent following a drop 14.3 per cent rise in the preceding month. Meanwhile, the generation of Electricity edge up by 4.9 per cent year-on-year in March 2026 (February 2026: 4.6%). On a month-on-month basis, the Electricity index soared by 12.1 per cent (February 2026: -8.0%).”

On a global scale, the IPI for several countries increased, including Singapore (10.1%) Vietnam (7.2%), South Korea (3.6%), Japan (2.3%), Thailand (0.8%) and Taiwan (28.7%) in March 2026. Conversely, China (5.7%) and United States (0.7%) continued to increase with a slower growth during this month.


Summarising his statement on the IPI performance for the first three months of this year (January – March 2026), the Chief Statistician said, “The IPI increased by 4.0 per cent compared to the same period in 2025, with the Manufacturing sector indices showing an expansion of 5.7 per and Electricity sector at 5.2 per cent, while the Mining index showed a decrease of 2.9 per cent.”

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the **Economic Census 2026 (BE2026)**, with themed “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. The sixth Economic Census, will be carried out from **5th January to 31st October 2026**. BE2026 aims to collect comprehensive and structured data from all registered and unregistered business establishments in Malaysia to assess the nation’s economic performance, structure and characteristics in an evidence-based manner.

Malaysia has, for the first time, successfully secured the **top position** globally in the biennial **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

**Chart 1: Industrial Production Index, Malaysia,
March 2025 – March 2026**



**Chart 2: Industrial Production Index and Its Components, Malaysia
March 2025 – March 2026**




Chart 3: Manufacturing Index Growth by Sub-sector, Malaysia, February 2026 and March 2026







Chart 4: Manufacturing Index by Export and Domestic Oriented Industries, Malaysia, March 2025 – March 2026



**Chart 5: Manufacturing Export-Oriented by Group, Malaysia,
February 2026 and March 2026**



**Chart 6: Manufacturing Domestic-Oriented by Group, Malaysia,
February 2026 and March 2026**



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
8 MAY 2026**